

Soalan No: 56

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG]**

**TARIKH : 3.8.2017**

**SOALAN :**

**Dato' Wira Othman Bin Abdul [Pendang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa peruntukan bantuan awal persekolahan yang dihantar ke sekolah-sekolah tidak mencukupi hingga pihak sekolah terpaksa membuat rayuan dan lambat diterima.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia (BKAP1M) diagihkan berdasarkan data murid yang dikunci masuk oleh pihak pentadbir sekolah dalam Aplikasi Pengkalan Data Murid (APDM) pada penghujung November bagi murid Tahun 1 hingga Tahun 5, tahun sebelumnya. Data primer yang dikunci masuk adalah berdasarkan dokumen yang dikemukakan oleh pihak ibubapa/ penjaga semasa pendaftaran awal sesi persekolahan.

Peruntukan BKAP1M disalurkan terus ke akaun sekolah berdasarkan cerapan data daripada APDM. Pengagihan peruntukan tersebut kepada

murid-murid adalah di bawah budi bicara pihak pentadbir sekolah tertakluk kepada tatacara yang ditetapkan dalam Garis Panduan Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia kepada Murid di Sekolah.

RJM77